



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP



BERITA

24 JAM

KPDN

KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

Untuk makluman:

- | | |
|-----------------------|---------------------|
| ● YB Menteri | ● YBhg. TKSU (PPDN) |
| ● YB Timbalan Menteri | ● YBhg. TKSU (PPP) |
| ● YBhg. KSU | ● Setiausaha Akhbar |

Tarikh: 15 Disember 2025



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR

KPDN



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT



www.asiatimes.com.my

Kerajaan Madani peruntukkan RM300j

Bagi pelaksanaan inisiatif Payung Rahmah - Armizan

TAWAU: Kerajaan Madani memperuntukkan sebanyak RM300 juta bagi pelaksanaan inisiatif Payung Rahmah di bawah Kementerian berkenaan melalui Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN).

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Datuk Armizan Mohd Ali, berkata peruntukan itu merangkumi penganjuran Program Jualan Rahmah Madani (PJRM) di seluruh negara.

"Sehubungan itu, KPDN akan terus memperkasa pelaksanaan PJRM termasuk penambahbaikan dari aspek peluasan kaedah serta golongan sasar sedia ada," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menyempurnakan Majlis Pelancaran Program Sentuhan Kasih, Jualan Rahmah Madani dan Advokasi Kepenggunaan di Servay Hypermarket, Tawau, pada Sabtu.

Program PJRM Kembali ke Sekolah 2026 dijadualkan berlangsung bermula 20 Disember 2025 hingga 11 Januari 2026, iaitu sepanjang tempoh cuti persekolahan.

Sebanyak 174 pasar raya, pusat beli-belah dan kedai pakaian terlibat dalam program ini melalui pelaksanaan secara dalam premis dan luar premis.

Pengguna berpeluang mendapatkan barangan kelengkapan persekolahan pada kadar diskaun

antara 10 hingga 30 peratus, lebih rendah berbanding harga pasaran semasa.

Sebanyak 45 hingga 80 Unit Penyimpanan Stok (SKU) ditawarkan, antaranya pakaian seragam sekolah, kasut sekolah, beg sekolah serta kelengkapan alat tulis.

Dalam tempoh penganjuran, sebanyak 269 siri PJRM Kembali ke Sekolah disasarkan untuk dilaksanakan di seluruh negara.

Orang ramai boleh merujuk Takwim PJRM menerusi laman sesawang KPDN di

<https://www.kpdn.gov.my/ms/jualan-rahmah> bagi mendapatkan maklumat lanjut mengenai tarikh dan lokasi penganjuran program berkenaan.-JT.



ALBUM Armizan (duduk tengah) bergambar bersama sebahagian pengguna pada Program Sentuhan Kasih, Jualan Rahmah Madani dan Advokasi Kepenggunaan di Servay Hypermarket, Tawau, pada Sabtu.

Back-to-school Rahmah sales from Dec 20

Amir Anuar

TAWAU: The Ministry of Domestic Trade and Cost of Living (KPDN) will roll out the Madani Rahmah Sales Programme (PRJM) Back to School (KKS) from Dec 20 to Jan 11, 2026. Its Minister, Datuk Armizan Mohd Ali, said 174 premises nationwide will take part, involving supermarkets, shopping malls and clothing outlets selling school necessities.

"The KKS programme is held during the school holidays to help parents prepare their children's school essentials for the 2026 academic session," he said here on Saturday.

Armizan said a total of 269 sales series will be conducted, covering between 45 and 80 stock keeping units (SKUs) such as uniforms, shoes, bags and stationery, offered at prices 10 to 30 per cent lower than prevailing market rates.

He said the programme is part of the Payung RAHMAH initiatives, which were allocated RM300 million under the Madani Government's Budget 2016, implemented through KPDN's various programmes including PRJM nationwide.

"KPDN will continue to strengthen the implementation of PRJM, including improvements in terms of expanded approaches and tar-



Armizan:
174
premises to
take part.

get groups, such as through the organisation of the PRJM KKST 2026 this time," he said. For further details, the public, especially parents, can refer to the schedule available on the KPDN website at <https://www.kpdn.gov.my/ms/jualan-rahmah> to check the dates and locations of PRJM KKS events to be organised by the ministry.

Also present were Assistant Minister of Women, Health and Community Wellbeing and Kukusan assemblywoman Datuk Rina Jainal, Tawau MP Datuk Lo Su Fui and Balung assemblyman Syed Ahmad Syed Abas.



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR **AGENSI**



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

DPMM gesa SSM pertimbang semula kompaun tinggi

Kuala Lumpur: Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) wajar mempertimbang semula pengenaan kompaun tinggi terhadap syarikat yang melanggar peruntukan mengikut Akta Syarikat 2016.

Presiden Dewan Perniagaan Melayu Malaysia (DPMM), Nor-

syahrin Hamidon, berkata langkah terbaharu SSM itu tidak selari dengan keputusan mengurangkan kos pematuhan audit apabila syarikat perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) dengan hasil kurang RM1 juta dikecualikan sepenuhnya daripada audit mulai 2025.

"DPMM menerima pelbagai rungutan dan aduan daripada ahli serta pemilik syarikat berhubung penguatkuasaan kompaun sehingga mencecah RM40,000 bagi pelanggaran Seksyen 245, 248, 258 dan 340 Akta Syarikat 2016," katanya dalam kenyataan di sini, semalam.

Beliau berkata, tindakan itu memberi tekanan kewangan yang besar kepada PMKS yang ketika ini berdepan pelbagai cabaran, termasuk kos operasi yang meningkat dan ketidakpastian ekonomi.

Pada penghujung 2024, SSM mengumumkan pengecualian audit kepada syarikat kecil yang memenuhi syarat tertentu seperti hasil tahunan bawah RM3 juta atau kurang 30 pekerja.

"Syarikat yang layak masih perlu mengemukakan penyata kewangan yang tidak diaudit, manakala PMKS dengan hasil kurang RM1 juta dikecualikan sepenuhnya daripada keperluan audit mulai tahun depan," katanya.

Norsyahrin berkata, langkah

pengecualian audit itu bertujuan mengurangkan kos pematuhan serta memudahkan urusan perniagaan, selain memastikan kecekapan dan ketelusan tadbir urus korporat terus diperkukuh.

"Pengenaan kompaun tinggi terhadap kesalahan pentadbiran tertentu bercanggah dengan semangat pengurangan beban pematuhan yang diperkenal sebelum ini," katanya.

Katanya, Seksyen 245 Akta Syarikat 2016 berkaitan kegagalan mematuhi peraturan penyata kewangan dan audit, termasuk kegagalan menyediakan atau mengemukakan dokumen kepada SSM.

Selain itu, katanya, Seksyen 248 pula merujuk kepada kegagalan menyerahkan laporan tahunan syarikat dalam tempoh ditetapkan, manakala Seksyen 258 membabitkan kesalahan berkaitan pendaftaran syarikat dan maklumat korporat.

"Seksyen 340 pula berkaitan kegagalan mematuhi arahan yang dikeluarkan SSM, terma-

suk arahan mengemukakan dokumen atau maklumat yang diperlukan," katanya.

Norsyahrin berkata, PMKS menyumbang kira-kira 38.3 peratus kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dan menyediakan hampir 66 peratus peluang pekerjaan di negara ini.

Katanya, pengenaan kompaun yang tinggi berisiko menyebabkan syarikat kecil dan sederhana tidak mampu untuk meneruskan operasi, sekali gus meningkatkan kadar pengangguran.

"Keadaan ini bukan sahaja menjejaskan kelangsungan perniagaan, ia boleh memberi kesan kepada kestabilan ekonomi negara," katanya.

"SSM perlu mempertimbang semula pendekatan lebih berhemah dan kadar kompaun yang dikenakan, khususnya terhadap PMKS.

"Kebijaksanaan dalam menangani isu ini amat penting bagi memastikan kelangsungan operasi PMKS serta kesejahteraan ekonomi negara," katanya.



LANGGAR AKTA SYARIKAT 2016

Gesa SSM pertimbang semula nilai kompaun

Kuala Lumpur: Dewan Perniagaan Melayu Malaysia (DPMM) menggesa Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) mempertimbangkan semula kompaun tinggi dikenakan terhadap syarikat yang melanggar peruntukan mengikut Akta Syarikat 2016.

Presiden DPMM, Norsyahrin Hamidon berkata, langkah terbaharu SSM itu tidak selari keputusan mengurangkan kos pematuhan audit apabila syarikat perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) dengan hasil kurang RM1 juta dikecualikan sepenuhnya daripada audit mulai 2025.

“DPMM menerima pelbagai rungutan dan aduan daripada ahli serta pemilik syarikat berhubung penguatkuasaan kompaun sehingga mencecah RM40,000 bagi pelanggaran Seksyen 245, 248, 258 dan 340 Akta Syarikat 2016,” katanya dalam satu kenyataan.

Beliau berkata, tindakan itu memberi tekanan kewangan besar kepada PMKS

yang ketika ini berdepan pelbagai cabaran termasuk kos operasi yang meningkat dan ketidakpastian ekonomi.

Sebelum ini, pada penghujung 2024, SSM mengumumkan pengecualian audit kepada syarikat kecil yang memenuhi syarat tertentu seperti hasil tahunan bawah RM3 juta atau kurang 30 pekerja.

“Syarikat yang layak masih perlu mengemukakan penyata kewangan tidak di audit manakala PMKS dengan hasil kurang RM1 juta dikecualikan sepenuhnya daripada keperluan audit mulai tahun depan,” katanya.

Katanya, langkah pengecualian audit itu bertujuan mengurangkan kos pematuhan serta memudahkan urusan perniagaan, selain memastikan kecekapan dan ketelusan tadbir urus korporat terus diperkukuh.

“Penaan kompaun tinggi terhadap kesalahan pentadbiran tertentu ber-

canggah semangat pengurangan be-

ban pematuhan yang diperkenalkan sebelum ini,” katanya.

Pengecualian audit bertujuan kurangkan kos pematuhan serta mudah urusan perniagaan



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

BERITA ONLINE

KPDN

BERITA ONLINE BERTARIKH 15 NOVEMBER 2025

TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
15-Dec	Pengarah syarikat mohon maaf jual produk alat pernafasan tiruan 3M	https:// www.sinarharian.com.my/ article/760255/berita/nasional/ pengarah-syarikat-mohon-maaf- jual-produk-alat-pernafasan-	SINAR HARIAN
15-Dec	KPDN anjur PJRM Kembali ke Sekolah 2026 mulai 20 Disember	https:// www.nabalunews.com/post/ kpdn-anjur-pjrm-kembali-ke- -sekolah-2026-mulai-20-	NABALU NEWS
15-Dec	KPDN Announces Extensive Back-To-School Sales Programme Nationwide	https:// www.malaysianewsgazette. com/kpdn-announces- extensive-back-to-school- sales-programme-	MALAYSIA GAZETTE
15-Dec	贸易及生活成本部 即起开学 慈悯促销	https://www.enanyang.my/ news/20251214/ Nation/1102539	E-NANYANG